

23 FEB 2001

Mahathir-BN

DR MAHATHIR MINTA PARTI KOMPONEN BN TINGKATKAN KERJASAMA

KUCHING, 23 Feb (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad meminta parti komponen Barisan Nasional (BN) Sarawak meningkatkan kerjasama bagi menghadapi pilihan raya negeri yang akan diadakan.

Setiausaha Agung BN, Tan Sri Mohamed Rahmat berkata Perdana Menteri turut meminta parti-parti komponen mengatasi sebarang masalah dalaman parti masing-masing bagi memantapkan kekuatan BN.

Dr Mahathir menyampaikan amanat itu dalam perjumpaan tertutup dengan para pemimpin BN Sarawak sejurus selepas tiba di sini hari ini untuk lawatan dua hari.

Ketua Menteri Tan Sri Abdul Taib Mahmud, yang juga Pengerusi BN Negeri serta para pemimpin dari keempat-empat parti komponen BN di negeri ini - Parti Pesaka Bumiputera Bersatu (PBB), Parti Bersatu Rakyat Sarawak (SUPP), Parti Kebangsaan Sarawak (SNAP) dan Parti Bansa Dayak Sarawak (PBDS) hadir pada perjumpaan hampir dua jam itu.

Mohamed berkata tidak ada petanda ditimbulkan mengenai bila pilihan raya negeri akan diadakan pada perjumpaan itu tetapi Dr Mahathir mengingatkan parti komponen agar bersatu padu untuk menunaikan tanggungjawab kepada rakyat.

"Kita perlu kekuatan dalam menghadapi pilihan raya, oleh itu sebarang masalah dalaman baik besar atau kecil perlu diselesaikan secara baik," katanya kepada pemberita selepas perjumpaan itu.

"Kalau kerjasama antara komponen-komponen ini boleh dipertingkatkan, mudah-mudahan ia menjadi keyakinan bagi BN Sarawak menghadapi pilihan raya," kata Mohamed.

Presiden PBDS Datuk Amar Leo Moggie ketika ditemui selepas dialog itu berkata parti komponen BN negeri patut berpegang kuat dengan amanat Perdana Menteri terutama dalam meningkatkan kerjasama.

"Ini penting kerana BN harus berada dalam keadaan mantap ketika menghadapi pilihan raya negeri," katanya.

Timbalan Presiden SUPP Datuk Law Hieng Ding pula berkata amanat Dr Mahathir sangat baik terutama untuk menaikkan semangat anggota parti komponen BN negeri yang akan menghadapi pilihan raya negeri tidak lama lagi.

--BERNAMA

MT AZZ RI